

Bersih: Pengundi mengikut tempat tinggal tidak akan berjaya
Malaysian Insider
Aug 13 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM

Hasrat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang ingin menutupi kelemahan proses sistem pilihan raya umum lalu tidak mungkin akan berjaya jika tidak dibuat secara menyeluruh, kata Pengerusi Bersama Bersih 2.O, Datuk Ambiga Sreenevasan (gambar).

Ambiga yang menyifatkan proses pilihan raya negara ini rosak teruk, berkata pilihan raya hanya boleh diperbaiki sekiranya SPR merombak semula 100 peratus sistem pilihan raya.

"Saya tidak nampak relevannya tindakan SPR itu kerana apa yang pasti sistem pilihan raya negara ini sudah tidak boleh dipercayai.

"Cara mereka yang hanya tampung sana sini kelemahan sistem itu tidak akan dapat menyelesaikan apa yang kita tuntutan dan apa yang rakyat mahukan iaitu ke arah sistem pilihan raya telus, adil dan bebas," katanya kepada The Malaysian Insider, hari ini.

Apa yang pasti, katanya, jika SPR masih tetap memandang remeh permintaan rakyat, ia akan semakin menghilangkan keyakinan rakyat terhadap badan itu dalam memberikan sistem pilihan raya yang adil.

Katanya, jika benar SPR ingin menetapkan pengundi berdasarkan alamat tempat tinggal pada PRU akan datang bagi tangani isu pengundi hantu, SPR harus melakukan pendaftaran semula pengundi bagi memastikan ia benar-benar tulus.

Ambiga berkata demikian bagi mengulas laporan The Malaysia Insider semalam mengenai hasrat SPR yang bakal menetapkan pengundi berdasarkan alamat tempat tinggal pada pilihan raya umum akan datang bagi menggelak tuduhan pengundi hantu.

Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof, berkata sistem sedia ada iaitu pengundi mengundi di alamat tempat mereka berdaftar menyukarkan badan pengendali pilihan raya itu untuk mengesan pemilih oleh kerana mereka tidak semestinya menetap di alamat berkenaan.

"Bagaimanapun, cadangan ini perlu sokongan dua pertiga di Parlimen kerana memerlukan pindaan Perlembagaan," katanya.

Abdul Aziz turut menyatakan kebimbangan sekiranya SPR melaksanakan cadangan berkenaan ia akan menimbulkan kesukaran pada pembesar politik yang ingin mengundi.

"Jika dilaksanakan nanti, ramai pembesar politik terpaksa mengundi di alamat tempat tinggal mereka dan tidak lagi seperti sekarang di mana mereka boleh mengundi di mana sahaja,"katanya. - 13 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bersih-pengundi-mengikut-tempat-tinggal-tidak-akan-berjaya>

